



" GEJALA SOSIAL : SELAMATKAN REMAJA KITA "

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ
إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّيَ بَتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menghindari segala yang larangan-Nya. Sesungguhnya hanya dengan taqwa sahaja, kita dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

Khutbah Jumaat hari ini akan membicarakan tentang "*Gejala Sosial : Selamatkan Remaja Kita*".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Remaja adalah satu tempoh peralihan dari alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Jika dianggarkan dengan umur, mereka dikategorikan sebagai golongan berusia di antara 12 hingga ke 20 tahun. Di dalam usia sebegini, berbagai kecelaruan dan masalah yang timbul di dalam jiwa mereka. Fasa perubahan fizikal, emosi dan minda inilah yang menjadi punca kecelaruan dan permasalahan jika mereka tidak difahami, dibimbing dan dididik dengan sebaiknya. Di peringkat usia ini, mereka sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba untuk mencapai tahap matang menjadi seorang dewasa. Usia remaja juga sewajarnya merupakan satu jangka waktu melengkapkan diri dengan segala keperluan rohani dan jasmani untuk menuju ke alam kedewasaan. Jika kita gagal membimbing mereka menghadapi cabaran dan keperluan di peringkat ini, remaja akan tampil ke tengah masyarakat dengan menimbulkan pelbagai masalah dan kekalutan.

Gejala sosial yang berlaku di dalam masyarakat kita bukanlah perkara baru. Gejala sosial di kalangan remaja sebenarnya sudah parah dan amat memerlukan tindakan segera untuk memulihkannya. Di samping



ia suatu bukti kegagalan kita mendidik mereka, ia adalah suatu kebimbangan yang wajar dipandang serius oleh semua pihak, khususnya ibubapa. Saban hari kita dihidangkan dengan berita-berita yang menjelaskan realiti keruntuhan akhlak remaja hari ini. Bemula dengan ponteng sekolah, melepak dan membuang masa, merempit, terlibat dengan dadah, berjudi, bergaduh, bergaul bebas sehingga ke tahap berzina, melakukan seks bebas dan akhirnya melakukan jenayah membunuh dengan cara menggugurkan kandungan dan membuang bayi.

Menurut sumber maklumat daripada Jabatan Pendaftaran Negara, sebanyak 257,411 sijil kelahiran yang didaftarkan tanpa dicatatkan nama bapa semenjak tahun 2000 hingga Julai 2008. Jika kita bahagikan, maka lebih daripada 28,000 kes yang telah berlaku dalam masa setahun, atau 78 kes dalam sehari! Ini adalah hasil perbuatan zina yang berakhir dengan kehamilan dan kelahiran. Jika kita renungkan berapa banyak pula perbuatan zina yang tidak menyebabkan kehamilan? Tentu sekali lebih banyak dari apa yang kita bayangkan. Sebahagian besarnya sudah tentu melibatkan golongan remaja.

Inilah gambaran sebenar kehancuran remaja masa kini. Apa dah jadi dengan anak-anak remaja pada hari ini? Wajarkah kita biarkan semua ini terus berlaku? Apakah tindakan kita untuk membendung gejala ini? Bukankah ini semua mala petaka yang besar ke atas kita?

Rasulullah s.a.w pernah mengingatkan kita tentang bahaya maksiat zina melalui sebuah hadis daripada Sayidatina Maimunah RA, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :



لَا تَزَالُ أُمَّتِي بِخَيْرٍ مَا لَمْ يَفْشُ فِيهِمْ وَلَدُ الزَّانَا
فَإِذَا فَشَا فِيهِمْ وَلَدُ الزَّانَا فَيُوشِكُ أَنْ يَعْصَمَهُمُ
اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِعِقَابٍ.

"Umatku akan terus berada dalam kebaikan selama tidak tersebar luas anak zina di kalangan mereka. Apabila anak zina tersebar luas di kalangan mereka, maka hampir sahaja Allah 'Azza wajalla akan menurunkan azab siksa kepada mereka seluruhnya".

(Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah bersama-sama kita selamatkan remaja kita. Keruntuhan moral dan gejala sosial yang berlaku adalah petanda kehancuran kepada kita semua. Azab dan kemurkaan Allah akan melibatkan kita semua jika kita gagal untuk membimbing mereka agar kembali ke pangkal jalan. Kita juga perlu berusaha supaya gejala social yang berlaku di kalangan remaja dapat dibendung dan diatasi demi kesejahteraan seluruh umat Islam. Antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah :

Pertama : Ibu bapa mestilah memberikan perhatian yang serius terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa seharusnya mengenali rakan-rakan anak mereka dan memastikan anak-anak mereka berkawan dan bergaul dengan mereka yang mempunyai akhlak yang baik. Selain itu ibu



bapa hendaklah menghabiskan sebahagian daripada masa mereka untuk memberikan keyakinan, keberanian dan kesediaan mereka serta membentuk sikap yang positif anak-anak untuk berhadapan dengan masalah, tekanan emosi dan menerima sesuatu keputusan.

- Kedua : Tingkatkan penghayatan anak-anak terhadap agama, iman dan nilai-nilai murni serta keperibadian yang mulia. Libatkan mereka dengan kuliah-kuliah pengajian agama, galakkan mereka untuk bersolat jemaah di masjid. Pupukkan rasa cinta terhadap agama supaya merasa takut untuk melakukan dosa dan gerun pada azab neraka. Sesungguhnya, tanpa iman dan taqwa dalam hati, remaja akan memandang ringan terhadap semua perlakuan maksiat dan dosa. Inilah yang dinyatakan Rasulullah s.a.w melalui hadis daripada Abdullah bin Mas'ud R.A :

إِنَّ الْمُؤْمِنَ يَرَى ذُنُوبَهُ كَأَنَّهُ قَاعِدٌ
تَحْتَ جَبَلٍ يَخَافُ أَنْ يَقَعَ عَلَيْهِ
وَإِنَّ الْفَاجِرَ يَرَى ذُنُوبَهُ كَذُبَابٍ مَرَّ
عَلَى أَنْفِهِ.



"Sesungguhnya seorang mukmin itu melihat dosanya seolah-olah dia duduk di bawah gunung yang ditakuti akan menyimpannya, sebaliknya seorang yang fajir (Pelaku dosa) melihat dosanya hanya seumpama seekor lalat yang hinggap di hidungnya".

(Riwayat Al-Bukhari)

Ketiga : Pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi juga perlu mengatur langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian seperti kaunseling dan program-program ceramah motivasi pembangunan sahsiah diri pelajar. Kaunseling di peringkat sekolah adalah penting dalam membantu remaja mengatasi masalah mereka. Program ini akan lebih berkesan jika diadakan secara berterusan dan dibimbing oleh guru-guru yang berpengalaman.


Keempat : Penguatkuasaan Undang-undang perlu berjalan seiring dengan program-program kesedaran. Undang-undang dan hukuman yang dijalankan secara berterusan dan telus akan membantu mencegah maksiat dan kemungkar. Falsafah hukuman jenayah dalam Islam dan matlamat hukuman mengikut Enakmen Jenayah Syariah ialah untuk pencegahan, pembalasan terhadap perbuatan salah, ganti rugi dan pemulihan. Aspek pencegahan adalah untuk mencegah manusia daripada melakukan kejahatan. Pencegahan akan berhasil apabila timbul rasa takut dalam kalangan masyarakat terhadap hukuman yang dikenakan. Pencegahan seperti ini terdapat pada semua hukuman ditetapkan oleh undang-



undang Islam. Ia mesti dijayakan bagi menyedarkan manusia yang lalai daripada peringatan Allah SWT.

Firman Allah di dalam Surah az-Zukhruf ayat 48:

وَأَخَذْنَاهُمْ بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ



"Dan kami timpakan ke atas mereka azab supaya mereka kembali bertaubat ke jalan yang benar".

Kelima : Walau apapun langkah-langkah yang dilaksanakan dalam menangani masalah remaja, isu solat dan ibadah-ibadah yang lain perlu diberi keutamaan oleh ibubapa dan keluarga bagi menyelamatkan remaja. Kajian menunjukkan bahawa individu-individu yang menjaga solat lebih terjamin aqidahnya.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut ayat 45;

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ
الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ



أَلْفَحْشَاءٍ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

"Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu daripada Al-Quran dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya). (Ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Usaha-usaha menyelamatkan remaja hari ini perlu dilakukan dengan bijaksana dan memerlukan penglibatan semua pihak. Remaja hari ini adalah pencorak generasi akan datang. Jika baik mereka, maka akan baiklah masyarakat akan datang. Begitulah juga sebaliknya. Justeru usaha-usaha memperbaiki, mendidik dan membentuk generasi akan datang hendaklah diwujudkan bagi menjamin suasana masyarakat Islam yang baik, harmoni dan mencapai kejayaan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat dipetik dari pembentangan khutbah Jumaat hari ini, antaranya ialah :



- Pertama : Gejala sosial di kalangan remaja hari ini telah sampai ke tahap yang amat membimbangkan. Semua pihak hendaklah bekerjasama menangani masalah ini.
- Kedua : Golongan remaja adalah aset kita di masa akan datang. Keruntuhan akhlak yang melanda mereka hari ini adalah gambaran kepada kehancuran agama, bangsa dan negara kita. Usaha-usaha menangani gejala sosial dan menyelamatkan remaja perlu disusun dengan bijak dan dibuat secara berterusan bagi menjamin natijah yang diharapkan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Hendaklah di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikian itulah orang yang berjaya".

(Ali-Imran : 104)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.